

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(XVI)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

30. Sila berikan sebab-sebab mengapa peruntukan bekalan Ahli Parlimen boleh digunakan untuk membekal peralatan kepada pihak sekolah tetapi peruntukan ADUN tidak dibenarkan.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

30. Semua peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada pekeliling dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa. Peruntukan bagi YB Parlimen yang disalurkan di bawah Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada syarat di dalam pekeliling Kerajaan Persekutuan manakala peruntukan kepada YB ADUN yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri pula tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Kerajaan Negeri. Syarat perbelanjaan ini mungkin berbeza antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri tidak menggalakkan peruntukan pembangunan di bawah Vot P16 Butiran 03 digunakan bagi tujuan bekalan kepada sekolah kerajaan kerana Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 3 Tahun 2010 - Garis Panduan Pelaksanaan Projek-Projek Di Bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) dan (03) (Para 3b (viii)) telah menyatakan peruntukan ini tidak boleh diberi kepada jabatan/agensi/organisasi kerajaan atau bagi mana-mana maksud bekalan dan butiran pembangunan di mana peruntukan telah disediakan dalam bajet jabatan/agensi/organisasi kerajaan berkaitan. Peraturan ini adalah bagi mengawal peruntukan Kerajaan Negeri daripada disalurkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang telah mempunyai peruntukan mengurus dan pembangunan sendiri serta mengelakkan pertindihan peruntukan berlaku. Ini juga

merupakan satu kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan mempunyai *value for money* dan dibelanjakan secara optimum.

Walau bagaimanapun, sekiranya keperluan bekalan kepada sesuatu sekolah kerajaan adalah mustahak, maka kelulusan khas perlu dimohon daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu melalui Pejabat Daerah dan Tanah yang bertanggungjawab mengawal selia peruntukan tersebut.